



LKIM:KEW.406/763/2
Jld.6()
31 JUL 2018

Pengarah-Pengarah Bahagian
Pengarah-Pengarah Negeri
Pengurus-Pengurus Kompleks/Projek/Pusat Latihan
Pegawai dan Kakitangan LKIM

Tuan/Puan,

PEKELILING KEWANGAN BIL. 1 TAHUN 2018

~ Perlaksanaan Sistem e-Klaim Di LKIM Bagi Semua Urusan Tuntutan Elaun Perjalanan, Elaun Lebih Masa Dan Pertukaran Stesyen, Permohonan Elaun Lebih Masa serta Permohonan Pendahuluan Diri

1. **TUJUAN**

- 1.1. Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan LKIM mengenai Sistem e-Klaim LKIM yang akan digunapakai serta merta bagi menggantikan kaedah *manual* sedia ada untuk semua urusan tuntutan Elaun Perjalanan, Elaun Lebih Masa, Pertukaran Stesyen serta permohonan Pendahuluan Diri dan permohonan Elaun Lebih Masa.
- 1.2. Pada masa yang sama, Pekeliling Kewangan ini juga adalah untuk memberi pencerahan mengenai beberapa isu penting yang sering dipertikaikan semasa mengemukakan tuntutan.

2. **LATAR BELAKANG**

- 2.1. Kerajaan telah memurnikan semua pekeling, surat pekeling, pekeling kontrak dan surat arahan yang sedia ada dan menggantikannya dengan satu dokumen versi baru yang dikenali sebagai **1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP)** dibawah bidang Pengurusan Wang Awam.
- 2.2. **1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP)** ini merupakan bahan rujukan utama semasa penyemakan tuntutan dilakukan oleh Bahagian Kewangan dan Akaun di LKIM. Pun begitu, sebarang perubahan kadar yang diisytihar oleh pihak Perbendaharaan selepas tarikh-tarikh ketetapan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.

- 2.3 Tuntutan Elaun Perjalanan dan Permohonan Pendahuluan Diri dibuat secara *manual* menggunakan borang-borang yang dilampirkan dalam SPK 2/2006 manakala tuntutan Elaun Lebih Masa pula dikemukakan menggunakan borang yang dilampirkan di dalam SPK 3/2008.
- 2.4 Beberapa kelemahan dikesan apabila menggunakan cara *manual* ini termasuk:
- (a) Borang tidak lengkap dan terpaksa dipulangkan semula kepada pihak yang menuntut;
 - (b) Borang/ dokumen sokongan hilang dalam perjalanan atau semasa dalam simpanan;
 - (c) Tuntutan dikemukakan melebihi tarikh yang dibenarkan menuntut;
 - (d) Penuntut kurang arif mengenai kelayakan dan kadar kelayakan masing-masing;
 - (e) Kesilapan kiraan jumlah dan seumpamanya.
- 2.5 Pada April 2013, semua pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat LKIM telahpun menggunakan sistem e-Klaim untuk mengemukakan tuntutan menggantikan cara *manual* , sekaligus menangani kelemahan-kelemahan yang dinyatakan di perenggan 2.4 di atas. Sistem ini telah siap dibangunkan bagi modul-modul Permohonan Pendahuluan Diri, Tuntutan Elaun Perjalanan (Tugas Rasmi dan Kursus) dan Tuntutan Elaun Lebih Masa. Sistem e-Klaim LKIM ini akan diaktifkan di semua peringkat di LKIM.

3 SISTEM E-KLAIM LKIM

- 3.1 Sistem e-Klaim LKIM dapat diakses atas talian di lokasi-lokasi yang mempunyai kemudahan internet menggunakan URL berikut: <http://eklaim.lkim.gov.my> Penggunaan web browser google chrome adalah diutamakan dan digalakkan.
- 3.2 Bagi kemudahan kemasukan Sistem e-Klaim, (*sila tukar katakunci di profil masing-masing. Manual m/s 20*). Sebarang masalah katakunci boleh menghubungi Puan Yusnieta binti Mohamed Noor (No. Telefon: 0380649162) atau Puan Nor Rahimah binti Ismail (No.Telefon: 0380649131) atau Puan Zanariah Haron (No.Telefon: 0380649000 ext 9434)..
- 3.3 Manual Pengguna Sistem e-Klaim ada terdapat di Laman Web LKIM. Sila tuan/puan layari manual ini sebagai panduan dan rujukan.
- 3.4 Walaupun tuntutan, kelulusan dan penyemakan dibuat secara atas talian, **dokumen-dokumen sokongan** masih perlu dikemukakan kepada Unit/Bahagian Kewangan Dan Akaun. Sila rujuk Surat Pekeliling Kewangan Bil 1 Tahun 2015 (Tuntutan Elaun Perjalanan Dan Lebih Masa (LEWAT) Melebihi Tempoh tiga(3) Bulan Tidak Akan Dilayan) adalah digunapakai. Sila lihat format penghantaran seperti di **Lampiran**

4. ISU-ISU PENTING

4.1 Resit Rasmi

4.1.1 Resit Rasmi **wajib disertakan** untuk menyokong sebarang tuntutan. Kehilangan atau ketiadaan dokumen ini akan menyebabkan tuntutan tersebut ditolak.

4.1.2 Contoh dokumen yang dianggap sebagai Resit Rasmi:

<u>Tuntutan</u>	<u>Dokumen</u>
(a) Tambang kapal terbang, bas, feri, bot, teksi, kereta sewa, kereta api, komuter, LRT dan monorel	Tiket atau Resit Bayaran (berkomputer/manual)
(b) Bayaran tol	Resit Bayaran atau Penyata Touch n Go (dicetak dari Laman Web berkaitan. Sila tandakan transaksi terlibat)
(c) Bayaran parkir	Resit (manual atau cetakan komputer)
(d) Sewa Hotel, Chalet, Rumah Tumpangan dan Dobi	Resit atau Penyata Bayaran yang dicop dan ditandatangani oleh pengusaha

4.1.3 Bagi bayaran melalui mesin automatik dimana resit tidak dapat dikeluarkan (samada disebabkan kerosakan atau keperluan sistem pungutan); **tuntutan tanpa resit** bagi LRT, Komuter dan Monorel adalah dibayar mengikut kadar semasa mengikut Syarikat Pengangkutan tersebut sahaja.

4.2 Kemudahan Sewa Hotel/ Chalet/ Rumah Tumpangan

4.2.1 **Dokumen wajib** adalah seperti dinyatakan di perenggan 3.1.2(d).

4.2.2 Kadar adalah mengikut kelayakan masing-masing yang ditetapkan. Bagaimanapun, sekiranya **Cukai Jualan (10%) dan Cukai Perkhidmatan (6%) ada dinyatakan di atas Bil** atau Penyata Hotel yang mana menyebabkan amaun keseluruhan melebihi kelayakan, kakitangan **dibenarkan membuat tuntutan Cukai Kerajaan secara berasingan tetapi peratusan (10%+6%) tersebut dihadkan berdasarkan kepada kelayakan maksimum sewa hotel.**

4.2.3 **Kemudahan sewa hotel** untuk mesyuarat, majlis rasmi atau kursus jangka pendek yang **dibayar secara pukal oleh pihak penganjur**. Maka, **tuntutan** bagi Elaun Sewa Hotel **tidak dibenarkan sama sekali**.

4.3 Kemudahan Pengangkutan

4.3.1 Tuntutan perbatuan (*mileage claim*) adalah **berdasarkan sektor perjalanan yang terdekat** samada dari rumah atau pejabat mengikut kesesuaian waktu. Semakan silang dengan *Googlemaps* akan dilakukan oleh Bahagian Kewangan dan Akaun semasa semakan dilakukan.

5. PENGGUNAAN SISTEM e-KLAIM DI LKIM

Sistem e-Klaim LKIM telahpun di aktifkan dan penggunaannya adalah berkuatkuasa serta merta mulai tuntutan April 2018.

6. KHIDMAT SOKONGAN (HELP DESK)

Untuk sebarang bantuan semasa menggunakan Sistem e-Klaim, pegawai-pegawai yang boleh dihubungi ialah Puan Zanariah bt Haron (No. Telefon: 0380649000 ext 9434), Puan Roosilawati bt Jamaluddin (No. Telefon: 0380649000 ext 9149) dan Puan Norhaiza bt Sulong (No. Telefon: 0380649000 ext 7469).

7. PENUTUP

7.1 Semua pegawai dan kakitangan dikehendaki menggunakan Sistem e-Klaim LKIM untuk mengemukakan tuntutan masing-masing. Bahagian Kewangan akan mewajibkan penggunaan sistem e-klaim dan mana-mana tuntutan yang dihantar secara manual tidak akan dilayan

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(YUSOFF BIN OTHMAN)
Pengarah Bahagian Kewangan dan Akaun
b.p. Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia